

# 14 pelajar antarabangsa ikuti Sarjana MBA di UPMKB

**BINTULU:** Seramai 14 pelajar antarabangsa mendaftar secara rasmi sebagai pelajar baharu program Master Pentadbiran Perniagaan (MBA) di Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB).

Menurut satu kenyataan daripada JPMKB, pendaftaran pelajar baharu itu mempunyai keunikan tersendiri kerana ia merupakan ambilan pertama program MBA di kampus berkenaan.

Sementara itu, program MBA UPM Kampus Bintulu, Dr. Aryaty Binti Alwie dalam kenyataan tersebut berkata, program MBA di UPMKB memberi peluang

kepada warga tempatan dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah tinggi secara kerja kursus di Bintulu.

“Program MBA di UPMKB dilaksanakan secara trimester iaitu ambilan pada bulan Mac, Julai dan November dalam setahun.

“Selain itu, pelaksanaan pembelajaran yang ditawarkan adalah secara hibrid bagi memenuhi keperluan golongan bekerja,” katanya.

Turut hadir pada sesi suai kenal bersama pelajar MBA itu adalah Dekan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains Profesor Madya Ts. Dr. Wong Tze Jin.



**ANTARA** 14 pelajar antarabangsa mendaftar secara rasmi untuk ambilan pertama program MBA di Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains UPMKB, baru-baru ini.